

# Pilih Pejuang jika tak sanggup undi UMNO - Dr. Mahathir

Oleh AHMAD  
FADHLULLAH ADNAN  
utusannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) boleh dijadikan pilihan sekiranya orang Melayu tidak sanggup memberi undi kepada UMNO.

Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sehingga kini orang Melayu hanya kenal UMNO sebagai parti Melayu, maka bagi mereka tidak ada pilihan jika mahu menyokong parti Melayu melainkan UMNO.

Katanya, orang Melayu juga tidak percaya kepada parti berbilang kaum, bahkan parti Islam pun, bagi memelihara hak dan keselamatan orang Melayu.

“Malangnya, parti UMNO sudah dirampas oleh perasuah dan dirangak. Mereka ini hanya berhasrat mengguna UMNO dan orang Melayu untuk jadi kerajaan dan mengguna kuasa kerajaan untuk memperkayakan diri mereka.

“Sejak mereka ambil alih UMNO, negara bertukar dari menjadi Harimau Asia kepada kleptokrasi iaitu negara yang diperintah oleh pencuri, pen-



jenayah. Jika UMNO masih disokong maka Malaysia akan kekal sebagai kleptokrasi, maka rosak dan hancurlah negara dan orang Melayu.

“Inilah sebabnya Pejuang ditubuh. Ia adalah parti Melayu atau Bumiputera seperti UMNO. Jika orang Melayu tidak sanggup beri undi kepada UMNO kerana sudah menyeleweng, dan masih tidak percaya kepada parti berbilang kaum, maka Pejuang boleh dijadikan pilihan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Dr. Mahathir, Pejuang bukan sahaja parti Melayu, tetapi ia mendukung semua prinsip dan perjuangan UMNO dahulu.

“Prinsip perjuangan UMNO dahulu yang melawan Malayan Union, memerdekakan Malaya dan membangun negara sehingga dikenali sebagai *Asian Tiger*,” jelasnya.

Selain itu katanya, Pejuang juga menentang rasuah, jenayah kewangan dan salah guna kuasa.

“Calon-calon Pejuang juga

akan terdiri dari mereka yang tidak terlibat dengan rasuah, yang utamakan bangsa, negara dan agama. Kepimpinan Pejuang terdiri dari bekas pemimpin UMNO yang telah berjaya bangunkan Malaysia.

“Mereka akan latih semua pemimpin Pejuang supaya pegang kuat kepada prinsip perjuangan UMNO dahulu iaitu khidmat untuk bangsa, negara dan agama, bukan untuk diri sendiri,” jelasnya.

Tambah beliau, pihaknya juga sedar adanya orang bukan Melayu dalam negara ini.

Bagaimanapun katanya, kerajaan yang didirikan akan dianggotai juga oleh bukan Melayu yang menolak rasuah, percaya kepada kerjasama antara kaum dan agihan kekayaan secara adil antara kaum-kaum di Malaysia.

“Dengan adanya Pejuang yang disertai oleh orang Melayu dan bumiputera, maka orang Melayu dan bumiputera yang tidak sanggup sokong UMNO kerana korupsi dan jenayah mereka, dapatlah menyokong Pejuang (yang merupakan) sebuah parti Melayu yang bersih dan cinta kepada bangsa, negara dan agama,” jelasnya.